

# Seminar dan bengkel koir

## SPS di UMS 7 & Oktober

DE 5.10.13 6

KOTA KINABALU: Sekolah Pengajian Seni (SPS) Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan menganjurkan seminar dan bengkel koir peringkat Negeri pada 7 dan 8 Oktober di Dewan Resital bermula jam 8 pagi - 6 petang.

Bengkel yang dijalankan dengan sokongan penuh Dekan SPS, Prof Madya Dr. Abdul Jamal ini antara lain bertujuan untuk mewujudkan integrasi dalam kalangan pemuzik sekolah, maktab dan juga sektor kerajaan.

Pengerusi Bengkel, Resot Iggau yang juga Ketua Program Muzik SPS berharap bengkel ini dapat memberikan respons positif khususnya dalam kalangan pelajar sekolah.

Fasilitator dari dalam dan luar

negara akan mengendalikan program yang merangkumi topik teknik vokal lelaki dan wanita, *choral audition & voice classification* dan banyak lagi.

Borang penyertaan boleh dimuat turun melalui laman *Facebook Bengkel Koir 2013* dan perlu diserahkan kepada penganjur sebelum esok (Ahad).

Mereka yang berminat disarankan mendaftar awal kerana penganjur menetapkan had peserta bengkel kepada 80 orang sahaja dan setakat ini separuh daripada slot penyertaan telah terisi.

Maklumat lanjut boleh diperolehi dengan menghubungi Agnes Ku di 017-8361260 atau 088-32000 sambungan 2673 dan Resot Iggau di 019-5842255.